

MODUL TAHANAN

1.0 PENDAHULUAN

Modul Tahanan ini diadakan bertujuan untuk memberi garis panduan khususnya kepada Institusi Pemulihan Akhlak dan Tempat Tahanan Perlindungan dalam melaksanakan pemulihan terhadap tahanan-tahanan yang telah dikenakan perintah tahanan. Modul ini juga disediakan bagi memberikan bentuk pemulihan yang seragam kepada semua tahanan tanpa membezakan tempoh hukuman dan jenis kesalahan yang dilakukan.

Pendekatan modul ini adalah berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Insan yang mana ianya mempunyai tiga fasa, iaitu Pembinaan Disiplin, Pengukuhan Sahsia, Program Latihan dan Kemahiran Sosial.

2.0 TEMPAT TAHANAN PERLINDUNGAN

2.1.1 Tempat Tahanan Perlindungan adalah merupakan tempat untuk menahan orang-orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

2.1.2 Pengertian Orang Tahanan ialah orang yang ditahan oleh kerajaan dengan Surat Kuasa `Order of Detention' dan orang ini akan ditahan di Tempat Tahanan Perlindungan dan dikenali dengan panggilan `Orang Tahanan'. `Order of Detention' adalah satu Perintah Tahanan yang ditandatangani oleh Menteri Dalam Negeri untuk menahan mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

2.1.3 Akta Keselamatan Dalam Negeri merupakan suatu akta yang diluluskan oleh parlimen untuk menjaga keselamatan dalam negara Malaysia. Akta ini bertujuan untuk mencegah perbuatan-perbuatan yang menimbulkan huru-hara dalam negara atau perbuatan-perbuatan yang hendak menggulingkan kerajaan atau pemerintah tanpa mengikut lunas undang-undang yang sah. Ianya dikuatkuasakan pada 1 hb. Ogos 1960.

2.1.4 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Seksyen 8 (1) memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk menahan mana-mana orang daripada melakukan sesuatu kegiatan yang boleh mengancam keselamatan dalam negara atau menimbulkan huru-hara. Mereka ini akan ditahan di Tempat Tahanan Perlindungan dalam tempoh tidak lebih daripada 2 tahun.

2.1.5 Kesalahan-kesalahan di Bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah seperti berikut :

- a) Bergiat menceburkan diri di dalam kegiatan-kegiatan pro-komunis.
- b) Memiliki senjata api dan bahan letupan.
- c) Memakai pakaian seragam tentera dan menjalani latihan tentera dengan menggunakan senjata api.
- d) Mencetak dan menerbitkan buku-buku subversif.
- e) Menampalkan pelekat-pelekat yang bersifat subversif.
- f) Membuat laporan yang palsu atau kenyataan yang palsu yang mungkin menimbulkan gangguan awam.
- g) Memiliki dokumen-dokumen subversif.
- h) Membekalkan bahan-bahan makanan kepada pengganas-pengganas komunis.
- i) Menghasut atau mempengaruhi fikiran rakyat untuk menderhaka kepada kerajaan.
- j) Mengapikan perasaan perkauman supaya menimbulkan permusuhan di antara penduduk yang berbilang kaum.
- k) Memberi maklumat kepada negara-negara luar atau membocorkan rahsia-rahsia mengenai hal ehwal negara Malaysia.
- l) Pelampau-pelampau Agama yang boleh menjejaskan keselamatan negara.

Selain daripada itu, undang-undang ini juga mencegah penuntut bergerak cergas dalam persatuan dengan secara berkumpulan yang mengandungi 5 orang atau lebih. Manakala pertubuhan yang mempunyai ahli-ahli lebih daripada 10 orang mestilah mendaftar namanya di Pejabat Pendaftaran Kesatuan sebelum dibenarkan bertugas atau menjalani kesatuan itu.

3.0 OBJEKTIF MODUL TAHANAN

Antara objektif utama diwujudkan Modul Tahanan ini adalah untuk:

- 3.1 Memberi penekanan dalam pemulihan fizikal dan mental orang tahanan bagi memastikan mereka menjalani kehidupan lebih baik selepas dibebaskan;
- 3.2 Memastikan orang tahanan dapat menumpukan lebih perhatian kepada program kerohanian melalui pendekatan keagamaan dan moral bagi membentuk individu yang berfikiran positif dalam kehidupan;
- 3.3 Melatih orang tahanan supaya menjadi individu berguna dan produktif selaras dengan norma-norma sosial;

- 3.4 Meningkatkan kefahaman dan pengetahuan kepada tahanan tentang pemupukan disiplin dan pengukuhan sahsiah dalam diri mereka;
- 3.5 Memberi peluang kepada tahanan mendalami lebih mendalam lagi berkenaan dengan kemahiran sosial dan vokasional di penjara;
- 3.6 Memupuk nilai kesedaran dan keinsafan dalam diri tahanan supaya menjadi pengajaran yang berguna dan tidak terjerumus lagi dengan aktiviti-aktiviti yang dilakukan sebelum ini;
- 3.7 Memberi didikan agama yang secukupnya tentang moral dan nilai diri dalam kehidupan manusia;
- 3.8 Mengajar mereka mengikut kemahiran vokasional yang ada agar menjadi bekalan apabila dibebaskan kelak.

4.0 PELAN PEMBANGUNAN INSAN

Program pemulihan yang dijadikan teras kepada Modul Tahanan ini adalah Pelan Pembangunan Insan. Bagi mencapai program Pelan Pembangunan Insan ini, empat fasa telah dibentuk iaitu :

4.1 Program Pembinaan Disiplin (Fasa 1)

Program ini dibentuk dengan objektif utamanya adalah untuk melahirkan penghuni yang berdisiplin dan mematuhi arahan serta melahirkan penghuni yang cergas dan mengamalkan gaya hidup sihat. Antara modul yang terdapat dalam program ini adalah modul informasi, modul fizikal dan pembentukan disiplin, modul sivik/moral, modul motivasi, modul kenegaraan, modul kaunseling dan modul kerohanian.

4.2 Program Pengukuhan Sahsiah (Fasa 2)

Program Pengukuhan Sahsiah merupakan *core treatment* dalam Pelan Pembangunan Insan. Program ini dilaksanakan dalam tempoh antara 6 bulan hingga 12 bulan di mana penekanan adalah diberi kepada aspek pembentukan jati diri dan pembentukan sikap positif. Ianya merupakan teras utama yang mengisi modul-modul yang terdapat dalam program ini. Antara modul utama yang terdapat dalam program ini adalah Modul Halaqah dan Modul Therapeutic Community.

4.3 Program Latihan dan Kemahiran Sosial (Fasa 3)

Objektif utama Program Latihan dan Kemahiran Sosial ini adalah untuk melahirkan banduan mahir dan bersijil serta banduan yang cemerlang dalam bidang sukan. Antara modul utama yang terdapat dalam program ini adalah modul kemahiran bersijil, modul

vokasional, modul usahasama dalam penjara dan modul kecemerlangan sukan. Disamping modul-modul di atas, modul kerohanian juga masih menjadi modul teras dalam fasa ini di mana modul ini akan dilaksanakan kepada semua penghuni tanpa mengambil kira anutan agama mereka. Selain daripada itu, modul ini juga adalah untuk mendedahkan kepada tahanan tentang latihan-latihan kerjaya dan asas keusahawanan melalui ceramah-ceramah yang berkaitan dengannya.

5.0 KERANGKA MODUL PEMULIHAN ORANG TAHANAN

5.1 Pelaksanaan Modul Tahanan adalah mengikut Fasa sepertimana berikut:

- a) Fasa 1 : Program Pembinaan Disiplin
- b) Fasa 2 : Program Pengukuhan Sahsiah
- c) Fasa 3 : Program Latihan dan Kemahiran Sosial

5.2 Tempoh masa setiap fasa dalam Modul Tahanan

Secara umumnya, tempoh masa setiap modul adalah ditetapkan seperti berikut.

TEMPOH MASA HUKUMAN	FASA 1	FASA 2	FASA 3
2 tahun	3 bulan	6 bulan	15 bulan
18 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan
1 tahun	3 bulan	6 bulan	3 bulan

6.0 FASA 1 : PROGRAM PEMBINAAN DISIPLIN TAHANAN

Sebagai institusi ketiga dalam sistem keadilan jenayah di negara kita, Jabatan Penjara Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk menempatkan dalam jagaan yang selamat pesalah yang telah dijatuhi hukuman dan memulihkan pesalah-pesalah tersebut agar dapat kembali ke pangkuan masyarakat sebagai warganegara yang normal dan produktif.

Sehubungan dengan itu, satu program pembinaan disiplin terhadap orang tahanan telah dibentuk untuk memenuhi keperluan proses peralihan orang tahanan daripada orang awam yang bebas di luar penjara kepada seorang tahanan yang menjalani hukuman di institusi penjara. Program ini berkonsepkan memberi pemahaman dan penyesuaian diri tahanan terhadap objektif Jabatan Penjara, peraturan-peraturan yang perlu

dipatuhi, hak-hak mereka sebagai tahanan dan aktiviti-aktiviti pemulihan yang perlu dilalui oleh para banduan sewaktu menjalani edah hukuman.

Penyediaan program ini diharapkan dapat menjadi panduan yang seragam kepada institusi penjara di dalam pengurusan tahanan dari peringkat awal kemasukan mereka sehinggalah mereka dibebaskan.

Perlaksanaan dan kandungan aktiviti Fasa 1 – Program Pembinaan Displin bagi Modul Tahanan adalah sebagaimana yang digariskan di dalam Pelan Pembangunan Insan selama 3 bulan. Dalam Fasa ini, tahanan akan diberikan maklumat dan penerangan secara mendalam tentang peraturan dan undang-undang yang terdapat di institusi, misi dan visi bagi Program Pelan Pembangunan Insan melalui Modul Tahanan yang akan dilaluinya. Tahanan akan memulakan sesi pemulihan dalam Fasa 1 ini selepas 7 hari proses Induksi selepas penerimaan masuk ke dalam pusat tahanan.

7.0 FASA 2 : PROGRAM PENGUKUHAN SAHSIAH TAHANAN

Fasa 2 dalam Pelan Pembangunan Insan ini dinamakan sebagai Program Pengukuhan Sahsiah di mana ianya merupakan teras rawatan atau *core treatment* dalam Modul Tahanan ini. Ianya dilaksanakan selama antara 6 bulan hingga 12 bulan bergantung kepada prestasi tahanan itu sendiri. Bagi tahanan yang didapati melanggar peraturan semasa berada di dalam Fasa 1 ataupun yang telah dikenakan tindakan tatatertib, mereka tidak layak dinaikkan ke Fasa 2 dan seterusnya. Pada fasa ini, tahanan akan ditekankan dengan sistem pemulihan yang lebih mendalam kepada aspek kerohanian. Di antara aktiviti utama pada fasa ini ialah Modul Halaqah, Modul Therapeutic Community, Modul Kaunseling, Modul Kerohanian dan Modul Moral. Walaubagaimanapun tahanan masih lagi akan mengikuti aktiviti lain seperti kawad, sukan dan rekreasi sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak institusi.

Penilaian terhadap keberkesanan modul akan dilakukan setiap 3 bulan sekali bagi mengesan pematuhan dan pemahaman penghuni terhadap program-program yang telah dilalui. Penilaian terakhir akan dibuat pada penghujung bulan ke 6 atau ke 12 bagi pertimbangan kenaikan ke Fasa 3.

8.0 FASA 3 – PROGRAM LATIHAN DAN KEMAHIRAN SOSIAL

Jabatan Penjara Malaysia sebagai institusi terakhir di dalam proses Keadilan Jenayah telah dipertanggungjawabkan menempatkan dengan selamat pesalah yang dijatuhkan hukuman serta memulihkan mereka supaya dapat diintegrasikan semula ke pangkuan masyarakat sebagai insan yang berguna dan produktif. Bagi merealisasikan perkara ini satu

modul telah dirangka khusus bagi mengawal serta memulihkan orang tahanan yang telah ditahan oleh Menteri Dalam Negeri sama ada di Tempat Tahanan Perlindungan atau Pusat Pemulihan Akhlak mengikut peruntukan perundangan yang ditetapkan.

Fasa 3 merupakan fasa di mana tahanan-tahanan diterapkan dengan program kemahiran sama ada melalui latihan kemahiran di bengkel vokasional ataupun di dalam skim usahasama yang diadakan. Selain daripada itu, tahanan juga akan mengikuti program-program yang dirancang khusus kepada mereka terutamanya dalam bidang kaunseling, pendidikan, keagamaan dan sebagainya. Diantara perkara-perkara yang diberi penekanan kepada tahanan dalam fasa ini adalah yang berkait rapat dengan pembangunan kerjaya tahanan, Khidmat Sosial, Pendidikan Pencegahan Jenayah, Kursus Keusahawanan dan aspek pengukuhan kekeluargaan.

9.0 PENUTUP

Objektif utama Pelan Pembangunan Insan adalah untuk menerap dan membentuk diri tahanan yang bermasalah supaya mereka dapat dipulihkan dan menjadi seorang yang berguna selepas dibebaskan kelak. Dalam fasa ini, banduan akan diberi penekanan kepada latihan kemahiran dan vokasional dalam bidang seperti perabut, mekanik, jahitan, kimpalan, ukiran dan lain-lain serta mengadakan program usahasama dengan agensi swasta untuk penghasilan produk. Pelbagai usaha juga dijalankan melalui fasa ini dalam mencapai hasrat jabatan untuk menjadi sebuah organisasi koreksional bertaraf dunia menjelang tahun 2020 kelak.

Secara keseluruhannya, Modul Tahanan ini dibentuk khusus bertujuan untuk melahirkan tahanan-tahanan yang mempunyai sikap yang positif, berkemahiran tinggi dan mempunyai tahap pengetahuan yang setimpal dengan orang lain. Pendekatan pemulihan secara bersepadu melalui pembentukan Modul Tahanan ini adalah bertepatan dengan pelaksanaan Program Pelan Pembangunan Insan yang dilaksanakan di seluruh institusi penjara. Melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan melalui Fasa 4 ini, adalah diharapkan supaya semua tahanan dapat diterapkan dengan nilai-nilai murni dan budaya kerja yang positif yang dapat dijadikan asas dalam kehidupan mereka selepas dibebaskan kelak.

**A. KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DI TEMPAT TAHANAN
PERLINDUNGAN TAIPING**



Kawasan Balai Pengawal



Jalan utama di luar Balai Pengawal



Tapak projek tanaman nenas



Tanaman bunga melor



Pemandangan jalan masuk ke KEMTA



Pintu Masuk Utama



Balai Pengawal untuk kemudahan pelawat



Susur masuk ke kawasan ISA



Susur masuk ke kawasan ISA



Padang untuk riadah bagi Kawasan T3



Kemudahan untuk riadah bagi Kawasan T3



Kemudahan untuk perjumpaan dengan keluarga



Kemudahan untuk perjumpaan dengan keluarga



Pintu Masuk ke kawasan perjumpaan

B. JADUAL HARIAN PENGHUNI TTP TAIPING

1. JADUAL HARIAN PROGRAM PEMBINAAN DISIPLIN (3 BULAN)

0530 – 0600	:	Urus Diri	
0600 – 0630	:	Solat Subuh Berjemaah & Zikir	
0630 – 0700	:	Tazkirah (banduan)	
0700 – 0730	:	Muster, nyanyian Negaraku, Patriotik, Ikrar & Doa	
0730 – 0800	:	Sarapan Pagi	
0800 – 0900	:	Kelas Kerohanian/ Motivasi/ LDK/ Ketatanegaraan/ Sivik/Moral/ Kaunseling	
0900 – 1100	:	Senaman pagi dan kawad	
1100 – 1130	:	Rehat	} Mengikut kesesuaian Institusi Penjara
1130 – 1200	:	Muster	
1200 – 0100	:	Makan	
0100 – 1400	:	Persiapan Solat Zohor Berjemaah & Solat Zohor	
1400 – 1430	:	Muster	
1430 – 1600	:	Kawad	
1600 – 1630	:	Muster & Khidmat Diri	
1630 – 1700	:	Solat Asar Berjemaah & Mathurat	
1700 – 1800	:	Kelas Kerohanian/ Motivasi/ LDK/ Ketatanegaraan/ Sivik Moral/ Kaunseling	
1800 – 1830	:	Muster, makan malam & membaca surat khabar	
1830 – 1900	:	Urus Diri	
1900 – 1945	:	Persiapan Solat Maghrib & Solat Maghrib Berjemaah.	
1945 – 2030	:	Bacaan Surah Al-Waqiah	
2030 – 2100	:	Solat Berjemaah Isyak dan Bacaan Surah Al-Mulk	
2100 – 0530	:	Tutup bilik	

2. JADUAL HARIAN PROGRAM PENGUKUHAN SAHSIAH (6 - 12 BULAN)

0530 – 0600	:	Urus Diri
0600 – 0630	:	Solat Subuh Berjemaah & Zikir
0630 – 0700	:	Tazkirah
0700 – 0730	:	Muster, nyanyian Negaraku, Patriotik, Ikrar & Doa
0730 – 0800	:	Sarapan Pagi
0800 – 0900	:	Kawad
0900 – 1030	:	Kelas Teras Modul
1030 – 1100	:	Rehat
1100 – 1200	:	Kelas Teras Modul
1200 – 1300	:	Muster & makan tengahari
1300 – 1400	:	Persiapan Solat Zohor Berjemaah & Solat Zohor
1400 – 1430	:	Muster
1430 – 1600	:	Kelas Teras Modul
1600 – 1630	:	Muster & Urus Diri
1630 – 1700	:	Solat Asar Berjemaah & Mathurat
1700 – 1800	:	Sukan & Rekreasi
1800 – 1830	:	Muster, makan malam
1830 – 1900	:	Urus Diri
1900 – 1945	:	Persiapan Solat Maghrib & Solat Maghrib Berjemaah.
1945 – 2030	:	Bacaan Surah Al-Waqiah
2030 – 2100	:	Solat Berjemaah Isyak dan Bacaan Surah Al-Mulk
2100 – 0530	:	Tutup Bilik

3. JADUAL HARIAN PROGRAM KEMAHIRAN

0530 – 0600	:	Urus Diri
0600 – 0630	:	Solat Subuh Berjemaah & Zikir
0630 – 0700	:	Tazkirah
0700 – 0730	:	Muster, nyanyian Negaraku, Patriotik, Ikrar & Doa
0730 – 0800	:	Sarapan Pagi
0800 – 0830	:	Senaman Ringan
0830 – 1030	:	Aktiviti Kemahiran
1030 – 1100	:	Rehat
1100 – 1500	:	Aktiviti Kemahiran
	:	Muster & makan tengahari
	:	Persiapan Solat Zohor Berjemaah & Solat Zohor
1500 – 1530	:	Urus Diri
1530 – 1630	:	Kaunseling Kelompok / Ceramah Motivasi/ Kerohanian/ Sivik/Moral
1630 – 1700	:	Muster & Urus Diri
	:	Solat Asar Berjemaah & Mathurat
1700 – 1800	:	Sukan & Rekreasi
1800 – 1830	:	Muster, makan malam
1830 – 1900	:	Urus Diri
1900 – 1945	:	Persiapan Solat Maghrib & Solat Maghrib Berjemaah.
1945– 2030	:	Bacaan Surah Al-Waqiah
2030 – 2100	:	Solat Berjemaah Isyak dan Bacaan Surah Al-Mulk
2100 – 0530	:	Tutup Bilik